

Harta Penama Bukan Harta Pemberian dan Wasiat

Abd. Kadir Hj. Muhammad

Abstract

The article addresses the contradiction of the courts' decision on harta penama (nominated property). The contradiction arises from the differences between the legal interpretation of the property and its meaning based on the requirement of the Syariah. The intricacy becomes more complicated when the terms harta wasiat (testated property) and harta pusaka (intestated property) are wrongly used as far as the Syariah Law is concerned. The article suggests that harta penama is not harta pemberian (gift), or harta wasiat.

Kes yang melibatkan kedudukan harta penama ini mula timbul pada tahun 1939 dalam kes *Re Ismail bin Rentah*.¹ Dalam kes ini mahkamah berpendapat harta penama bukan harta pemberian hidup. Ismail (yang meninggal dunia) adalah ahli Syarikat Kerjasama Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliau mencarumkan sebahagian pendapatannya ke dalam syarikat kerjasama tersebut dan menamakan anak perempuannya (Maznah) sebagai orang yang berhak terhadap hartanya (wang yang dicarum dan keuntungan) dalam syarikat tersebut sekiranya beliau meninggal dunia. Penamaan dibuat bagi memenuhi kehendak seksyen 22, Co-Operative Society Enactment, no. 7/1922 Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Apabila Ismail meninggal dunia, Penolong Pendaftar Pertubuhan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah membahagikan wang caruman si mati kepada semua waris si mati mengikut faraid, tidak kepada seorang anak perempuan yang dinamakan itu sahaja. Penolong Pendaftar berpendapat harta tersebut tidak boleh dianggap sebagai harta pemberian.

Anak perempuan si mati (Penama) tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Penolong Pendaftar tersebut dan membawa kesnya ke Mahkamah Tinggi. Kes ini didengar di hadapan Hakim Raja Musa. Hakim menolak rayuan tersebut dan mengekalkan keputusan yang dibuat oleh Penolong Pendaftar tersebut. Penolakan ini dibuat dengan alasan bahawa harta tersebut tidak boleh dianggap sebagai harta pemberian hidup (hebah) kerana tidak ada pindah milik dalam surat penama tersebut. Prinsip undang-undang Inggeris tidak boleh dikenakan dalam masalah pusaka orang-orang Islam kerana perkara ini bersangkutan dengan hal ehwal diri dan ia tertakluk kepada undang-undang Islam. Atas alasan tersebut rayuan ini ditolak.

Tetapi Hakim Suffian berpendapat sebaliknya. Dalam kes *Re Man bin Minhat*,²

Hakim berpendapat harta penama adalah sebagai harta pemberian hidup si mati kepada mereka yang dinamakan. Dalam kes ini Man bin Minhat (si mati) telah mengambil ansuran nyawa untuk dirinya dengan menamakan isterinya sebagai orang yang berhak terhadap ansuran tersebut sekiranya beliau meninggal dunia. Hakim memutuskan bekas isteri si mati berhak ke atas semua harta pemberian tersebut. Keputusan dibuat dengan merujuk kepada sek. 23 Undang-undang Sivil 1956 (Semakan) 1972. Berpandukan seksyen-seksyen itu adalah sah seseorang memberi sebahagian pemilikannya baik secara langsung, iaitu secara hibah dan juga melalui pemegang amanah. Hakim menjelaskan:

“... Oleh kerana itu adalah sah seorang Islam mengubah bahagian ahli-ahli warisnya yang ditetapkan itu dengan memberi sebahagian atau semua hartanya dalam masa hidupnya kepada isterinya yang dikasihi, sama ada secara langsung secara hibah masa hayatnya atau melalui pemegang bahagian ahli-ahli warisnya dengan cara dianya sendiri membuat pemberian melalui pemegang amanah kepada isteri yang dikasihi, dalam pendapat saya sama juga tidak ada halangan pada prinsipnya mengenai sahnya pemberian yang sama dibuat bukan dia sendiri tetapi oleh statut.”³

Hakim berpendapat pemberian hidup (hibah) boleh dibuat sama ada diberi secara langsung ketika seseorang itu masih hidup atau pemberian secara pemegangan amanah kepada ahli waris. Ini memberi erti, apabila pemberi itu meninggal dunia, maka dengan sendirinya harta itu menjadi hak milik pemegang amanah tersebut. Juga Hakim berpendapat sah pemberian yang dibuat oleh statut atau undang-undang. Tetapi keputusan Hakim tersebut dipertikai oleh Prof. Ahmad Ibrahim,⁴ kerana seksyen 23 undang-undang tersebut disebat oleh seksyen 25 dalam undang-undang yang sama yang memperuntukkan “tidak ada apa-apa di dalam bahagian ini boleh menjelaskan pemberian dan pembahagian harta mengikut undang-undang Islam”.

Dengan itu jelas seksyen 23 itu tidak boleh dikenakan mengenai harta orang Islam. Ia mesti dibahagi mengikut undang-undang Islam.⁵

Pendapat yang sama terdapat dalam kes *Re Bahadun bin Haji Hassan*.⁶ Dalam kes ini si mati membeli ansuran untuk dirinya. Beliau mempunyai seorang isteri, dua anak perempuan, dua anak lelaki dan seorang ibu. Si mati menamakan isteri sebagai orang yang berhak terhadap keseluruhan wang insuran tersebut. Hakim Abdul Hamid memutuskan isteri berhak mendapat kesemua ansura suami yang beliau sebagai penama. Keputusan berasaskan kes duluan *Re Man bin Minhat* di atas. Beliau menyatakan tidak ada apa-apa halangan dari undang-undang Islam yang menghalang seseorang membuat pemberian dalam masa hidupnya supaya orang yang dinamakan itu mendapat faedah wang ansuran itu apabila orang itu mati.⁷

Begitu juga pada tahun 1989 di Singapura dalam kes *Saniah bt Ali dan lain-lain lawan Abdullah bin Ali*,⁸ Mahkamah Singapura telah membayar semua wang simpanan pekerja kepada penama. Dalam kes ini Saleh bin Ali menamakan Saniah bt Ali sebagai mereka yang berhak terhadap wang simpanan pekerja yang berjumlah sebanyak \$60,607.71. Pada 5 April, Salleh bin Ali meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya. Kemudian pada 10 Julai 1985 dan 25 Februari 1986, Tabung Simpanan Wang Pekerja Singapura telah membayar wang simpanan sejumlah di atas kepada Saniah. Atas permohonan Saniah, pada 21 September 1987 pejabat penyelesaian pusaka mengeluarkan surat kepadanya

bahawa beliau adalah sebagai pentadbir kepada pusaka si mati. Tetapi sebaliknya pada 28 Ogos 1989 pihak penentang, Abdullah bin Ali, iaitu saudara si mati dan saudara kepada penama telah mendapat surat perakuan dari Majlis Ugama Islam Singapura yang beliau berhak terhadap wang simpanan tersebut sebagai pusaka kerana beliau merupakan waris yang sah kepada si mati. Kebenaran ini diberi mengikut seksyen 115(1), Akta Pentadbiran Orang-orang Islam Singapura, Cap. 3 tahun 1985.

Hakim Thean memutuskan Yang Menuntut berhak mendapat kesemua wang simpanan tersebut berdasarkan seksyen 23(3), Cap. 36, CPF Act Singapore, tahun 1985. Beliau berpendapat wang CPF tidak boleh digolong sebagai harta pusaka dan dengan itu tidak timbul apa-apa pertentangan dengan seksyen 115(1) Undang-undang Pentadbiran Islam Singapura. Beliau menyatakan:

“In my opinion, on the true construction of ss 23 and 24 of the CPF Act, the amount of \$60,607.71 is not part of the estate of deceased, and therefore does not fall within s 112(1) of the AML Act. The plaintiff, in my judgment, is entitled in her own right to the full amount of \$60,607.71.”⁹

Bagi mereka yang memutuskan harta penama sebagai harta pemberian, mungkin mereka tidak jelas mengenai konsep harta pemberian dari sudut Hukum Syarak. Sedangkan di sana terdapat perbezaan yang jelas antara hasrat penama dengan harta pemberian. Para sarjana perundangan Islam mentakrifkan harta pemberian (hibah) ialah sebagai “pemberian milik harta serta merta oleh seseorang kepada seseorang secara sukarela semasa hidup”.¹⁰

Unsur penting dalam pemberian hidup, ialah pemberian pemilikan secara serta merta oleh seseorang kepada seseorang semasa kedua-duanya masih hidup. Tetapi unsur ini tidak wujud dalam harta penama. Mereka yang dinamakan tidak mempunyai apa-apa hak atau kuasa terhadap harta tersebut selagi orang yang menamakan itu masih hidup. Orang-orang yang dinamakan hanya diberi kuasa apabila ditakdirkan orang yang menamakan itu meninggal dunia dan harta tersebut belum sempat dikeluarkan oleh mereka yang menamakan itu semasa hidupnya. Pemberian milikan selepas berlaku kematian kepada yang memberi diistilahkan sebagai wasiat mengikut hukum Islam.¹¹ Dengan itu wasiat dalam kes harta penama tidak sah kerana penama adalah dibuat dari kalangan mereka yang menerima pusaka, sama ada anak, suami atau isteri ataupun saudara-saudara. Rasulullah (s.a.w.) bersabda yang bermaksud, “tidak ada wasiat kepada waris (penerima pusaka)”. Lagi pun wasiat hanya dihadkan kepada 1/3 dari harta sahaja.

Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan tersebut harta penama tidak tergolong dalam harta pemberian hidup dan juga tidak termasuk dalam harta wasiat. Dengan itu penama tidak boleh dianggap sebagai penerima pemberian dan penerima wasiat. Kecualilah penama bukan dari kalangan ahli waris, tetapi kadarnya tidak lebih dari satu pertiga. Dalam pengalaman penama bukan dari ahli waris jarang berlaku di Malaysia.

Oleh kerana harta penama tidak menepati istilah harta pemberian hidup dan juga penerima wasiat, maka harta penama kekal sebagai harta peninggalan si mati. Dengan itu harta penama tetap menjadi hak pusaka kepada semua waris-waris si mati bukan untuk penama sahaja. Memandangkan harta penama bukan harta pemberian dan bukan harta wasiat, maka dipersetujui oleh Majlis Raja-raja dalam persidangannya pada tahun 1973 bahawa Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat

Kerjasama orang-orang Islam hendaklah dibahagi mengikut faraid.¹²

Mungkin berasaskan kepada keputusan Majlis Raja-raja di atas, maka Akta Takaful, 1984 telah memperuntukkan harta caruman dalam Syarikat Takaful, sebagai harta pusaka. Penuntut hanya dianggap sebagai penerima wasiat untuk diagih-agihkan kepada mereka yang berhak mengikut undang-undang yang berkaitan atau menuntut haknya sahaja. Ini diperuntukkan dalam 65(1):

“Dalam seksyen ini “pihak menuntut wajar” ertiinya seseorang yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang berkenaan sebagai wasi kepada si mati atau mendakwa berhak mendapat jumlah wang itu di bawah undang-undang berkenaan.”¹³

Penuntut kepada wang dalam Takaful dianggap sebagai penerima wasiat untuk diagih-agihkan kepada mereka yang berhak mengikut undang-undang masing-masing. Kalau pencarum itu seorang Islam, maka ia tertakluk kepada undang-undang pusaka Islam.

Peruntukan yang sama terdapat dalam Akta Koperasi 1993. Akta ini memperuntukkan bahawa harta koperasi orang-orang Islam hendaklah dijadikan sebagai pusaka kecuali bagi harta orang bukan Islam hendaklah diberi kepada mereka yang dinamakan:¹⁴

“Apabila seseorang anggotanya mati, sesuatu koperasi berdaftar boleh memindahkan syer atau kepentingan anggota yang mati itu:

- a. undang-undang bagi anggota yang mati atau kepada orang yang didapati oleh Lembaga ialah orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pembahagian harta pusaka; atau
- b. dalam hal anggota yang mati yang bukan Muslim, kepada orang yang dinamakan ...

Dengan terlaksananya Akta Koperasi 1993 ini, maka dengan sendirinya termasuklah Akta Koperasi 1948 khususnya peruntukan yang berkaitan dengan harta penama seksyen 23 dan 25 dalam akta tersebut yang menimbulkan pertentangan pendapat di antara pengamal undang-undang di Malaysia.

Bank Simpanan Nasional turut melarang penyimpan Islam dari menamakan orang tertentu terhadap simpanan mereka. Penamaan hanya dibenarkan kepada mereka yang bukan Islam sahaja.¹⁵

Dari perbincangan di atas, jelas apa yang diputuskan oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan dan Hakim Raja Musa mengenai kes *Re Ismail* adalah bertepatan dengan kehendak hukum Syarak. Dan ini menimbulkan persoalan mengenai kes *Re Man* dan *Re Bahadun* di mana hakim bicara menganggap harta penama sebagai harta pemberian hidup sedangkan fatwa Majlis Raja-raja telah dikeluarkan ketika kes dibicarakan. Di samping membelakangkan seksyen 25 Akta Sivil di atas, sedangkan seksyen itu dengan jelas menyatakan bahawa pembahagian itu tidak boleh menjelaskan harta penama orang-orang Islam. Pembahagian harta penama hendaklah dibuat mengikut hukum Islam.¹⁶ Seksyen 23 itu hanya sesuai untuk digunakan bagi harta penama orang-orang bukan Islam sahaja, bukan untuk orang Islam. Seksyen dengan jelas memperuntukkan:

“Tidak ada apa-apa di dalam bahagian ini boleh menjejas pemberian dan pembahagian harta mengikut undang-undang Islam.”¹⁷

Kesimpulan

1. Harta penama bukan harta pemberian hidup kerana ia tidak menepati kehendak hukum Syarak. Sebagaimana dinyatakan salah satu syarat penting dalam pemberian hidup (hibah) ialah pemilikan secara serta merta. Tidak sah pemberian hidup yang dihubungkaitkan dengan syarat-syarat tertentu atau disandarkan kepada masa akan datang.¹⁸ Jelas harta penama mempunyai unsur-unsur tersebut, pertama berlaku kematian kepada orang yang menamakan dan keduanya pemilikan bukan serta merta, sebaliknya pemberian milik berkaitan dengan masa akan datang. Harta Penama bukan juga tergolong dalam harta wasiat kerana Penama dari kalangan waris (penerima pusaka). Oleh kerana harta penama tidak termasuk di dalam harta pemberian dan juga bukan tergolong dalam harta wasiat, maka harta itu kekal kepada status asal, iaitu harta milik si mati. Dalam istilah pusaka dianggap sebagai *al-tarikah* (harta peninggalan si mati). Oleh kerana ia kekal sebagai harta peninggalan si mati maka harta tersebut tertakluk kepada hukum pusaka. Penama dalam hal ini tidak lebih dari pemegang amanah untuk diagih-agih kepada setiap waris yang berhak menerima pusaka.
2. Ketidakjelasan bagi setengah pengamal undang-undang baik di Malaysia ataupun Singapura mengenai konsep pemberian dari sudut hukum Syarak, maka harta penama dianggap sama dengan harta pemberian (hibah) dan sekaligus keputusan yang dibuat tidak selari dengan hukum Islam.
3. Penama adalah baik untuk dikekalkan untuk memudah dari segi pentadbiran, tetapi bukan sebagai pemilik mutlak. Ia tidak lebih dari berperanan sebagai wakil untuk membahagi harta-harta itu kepada waris-waris yang lain.¹⁹

NOTA HUJUNG

- 1 FMLSR (1939): 230; lihat juga Ahmad Ibrahim, "Harta Penama", dalam Mohd. Reduan Awang (ed.), 1988, *Undang-undang dan Pentadbiran Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*, hh. 105-115.
- 2 Ahmad Ibrahim, *Ibid.*
- 3 *Ibid.*
- 4 *Ibid.*, h. 109.
- 5 *Ibid.*
- 6 (1974) MLJ 14 dan Ahmad Ibrahim, *Ibid.*
- 7 Ahmad Ibrahim, *op.cit.*
- 8 (1990) 3MLJ 135.
- 9 (1990) 3MLJ 140.
- 10 Abu Zakariya al-Ansari, *Fath al-Wahhab*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 259; Muhammad Kamal Hamdi, *al-Mawarith wa al-Hibbah wa al-Wasiyyah*. Iskandariah: Jami'ah Iskandariah, h. 155.
- 11 Wahbah Zuhayli, h. 8.
- 12 Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, h. 112.
- 13 Akta Takaful 1984, sek. 65(1).
- 14 Akta Koperasi 1993, sek. 24(a) dan 24(b).
- 15 Bank Simpanan Nasional (Buku Panduan Simpanan Tetap)
- 16 *Ibid.*, 111.
- 17 Sek. 25. Akta Sivil 1956 (semakan) 1972.
- 18 Muhammad al-Dijwi, *al-Ahwal al-Sakhsiyah lil al-Misriyyin al-Muslimin*, 1392H., h. 44.
- 19 Ahmad Ibrahim, *op.cit.*